Sains

Sains) merupakan sebuah proses pengumpul dan penyusunannya. Perkataannya datang daripada bahasa Latin*scinetia*, . Dan seperti proses resapan maklumat yang lain, sains bermula dengan pengalaman, dan kemudiannya mendapatkan fakta dan peraturan daripadanya.

Cara sains mengkaji sesuatu perkara adalah dengan melihatnya dengan teliti, mengukurnya, membuat uji kaji, dan dengan cuba menerangkan mengapa sesuatu perkara terjadi. Mereka yang melakukan perkara ini dipanggil ahli sains.



Setiap pakar sains perlu berhati-hati apabila memberi penerangan mengenai sesuatu yang mereka kaji. Mereka bertanding untuk memberikan penjelasan yang lebih baik. Boleh jadi sesuatu penjelasan itu menarik, tetapi jika ia tidak sama dengan apa yang dikatakan oleh pakar sains lain, kajian seterusnya perlu dilakukan lagi untuk mendapatkan penjelasan yang lebih baik.

Pakar sains juga memeriksa idea pakar sains lain. Ini kerana pakar sains juga merupakan manusia, yang tidak boleh lari dari melakukan kesilapan. Jadi pakar sains perlu mempastikan bahawa idea yang digunakannya adalah betul. *Peer review* dan mengulangi eksperimen beberapaka kali merupakan satu-satunya cara untuk mempastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah benar dan tepat.

Inilah yang dipanggil kaedah saintifik. Kebanyakan orang menerima kaedah ini sebagai cara yang paling boleh dipercayai untuk mendapatkan maklumat mengenai alam, dunia, badan manusia atau binatang dan lain-lain. Walau bagaimanapun, perlu diingati bahawa sains merupakan suatu proses yang berterusan, apa yang benar hari ini mungkin kurang tepat dalam masa 100 tahun lagi.

Isi kandungan

Matematik

Matematik memainkan peranan yang amat penting dalam sains. Fungsi terpenting yang dijalankan oleh matematik adalah dalam pembinaan model saintifik. Untuk mengumpul dan mengkaji data, serta meramal dan menjangka keputusan, semuanya memerlukan pembinaan model saintifik. Dan apabila data telah dikumpul, statistik pula diperlukan untuk menganalisanya.

Bidang sains

Terdapat berbagai-bagai bidang sains, antaranya ialah:

- Sains Tulen
  - Astronomi
  - Biologi dan perubatan
  - Fizik
  - Kimia
  - Sains bumi
  - Sains komputer
- Sains sosial
  - Antropologi
  - Ekonomi
  - Ekologi
  - Etimologi
  - Komunikasi
  - Linguistik
  - Psikologi
  - Sosiologi
  - Pendidikan

Lokasi sains

Kajian sains biasanya dilakukan di universiti-universiti dan akademi-akademi khas, serta makmal syarikat-syarikat. Namun terdapat juga pihak *amateur* yang biasanya cuma melihat data dan melaporkannya.

Lihat juga

- Majlis Sains Antarabangsa
- Penasihat Sains
- Sains dan Islam
- Teknologi

Rujukan

Pautan luar



Wikimedia Commons mempunyai media berkaitan ***Sains (https://commons.wikimedia.org/wiki/Category:Science?uselang=ms)***

Antarabangsa

- Majlis Sains Antarabangsa (http://www.icsu.org/)

Malaysia


- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (http://mcsl.mampu.gov.my/bm/persekutuan/sains.htm)
- Pusat Sains Negara (http://www.psn.gov.my/)
- Planetarium Negara (http://www.baksa.gov.my/)
- Penilaian hubungan tahap penguasaan konsepsi sains dengan tahap kemahiran proses sains guru peringkat menengah rendah (http://eprints.utm.my/16130/)

p · b · s (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Sains&action=edit) **Sains**

Sains Tulen Astronomi • Biologi • Fizik • Kimia • Sains bumi • Sains Komputer

Sains sosial Antropologi • Ekonomi • Ekologi • Etimologi • Komunikasi • Linguistik • Psikologi • Sosiologi • Pendidikan

Falsafah sains



Kawalan kewibawaan	BNE: XX526275 (http://catalogo.bne.es/uhtbin/authoritybrowse.cgi?action=display&authority_id=XX526275) · BNF: cb11933232c (https://catalogue.bnf.fr/ark:/12148/cb11933232c) (data) (https://data.bnf.fr/ark:/12148/cb11933232c) · GND: 4066562-8 (https://d-nb.info/gnd/4066562-8) · LCCN: sh00007934 (https://id.loc.gov/authorities/subjects/sh00007934) · NARA: 10642032 (https://catalog.archives.gov/id/10642032) · NDL: 00571322 (https://id.ndl.go.jp/auth/ndlna/00571322)